

KENYATAAN TAWARAN

Cadangan Membina dan Menyiapkan Projek Pembangunan Markas Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Berserta Kemudahan Yang Berkaitan Di Atas Lot 2768, Tok Bali, Mukim Semerak, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim.

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

TAJUK PROJEK	TARAF/ *JENIS SYARIKAT	SYARAT PENDAFTARAN, GRED, KATEGORI & PENGKUSUSAN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER TUTUP	TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK
<p>Cadangan Kerja-Kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Terima dan Mentauliah Sistem Mekanikal Untuk Cadangan Membina dan Menyiapkan Projek Pembangunan Markas Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Berserta Kemudahan Yang Berkaitan Di Atas Lot 2768, Tok Bali, Mukim Semerak, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim.</p>	<p>Bumiputera / T1 Terbuka Kepada Kontraktor beralamat pendaftaran di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak</p>	<p>Syarat-Syarat Kelayakan: a. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya Malaysia DAN b. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam: Gred : G5/ G6/ G7 Kategori: ME Pengkhususan : M01 & M02 DAN c. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB),</p>	<p>Dokumen boleh dimuat turun oleh kontraktor yang layak pada: 15/11/2021 hingga 19/11/2021</p>	<p>RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) PBLT SDN. BHD.</p>	<p>Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Unit E-3-3, Block E, CBD Perdana 3, Jalan Perdana, Cyber 12, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan. Pada 13/12/2021 (Isnin) Jam 12.00 tengahari</p>	<p>Kontraktor yang memenuhi syarat-syarat kelayakan akan menerima surat pelawaan bagi menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak.</p>

- Kontraktor-kontraktor yang berminat perlu mengisi Borang CPT01 yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang PBLT (www.pblt.com.my) selewat-lewatnya pada **1 November 2021**. Kontraktor juga perlu memuat naik kesemua Sijil mengikut syarat pendaftaran tender kepada Setiausaha Tender melalui email di alamat: tender@pblt.com.my.
- Kontraktor yang melepasi Syarat-Syarat Kelayakan akan menerima surat pelawaan bagi menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak. Kontraktor adalah **WAJIB** menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
- Kontraktor dikehendaki membawa sijil pendaftaran (**ASAL** dan satu (1) salinan) Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya Malaysia dan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia **semasa menghadiri Taklimat Tender**.
- Hanya penama** yang tercatat dalam sijil PPK atau SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak berkenaan.
- Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang telah menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak. Kontraktor perlu membuat pembayaran melalui perbankan internet dan seterusnya boleh memuat turun dokumen tersebut dari laman sesawang PBLT.**

* Jenis Syarikat : T1 : Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan.

A1 : Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; ATAU Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% warganegara tempatan.

A2 : Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; ATAU Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia ataupun tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan.